

V49

profil

**Mohd Noraiman  
Mohd Fadzil**

Umur: 21 tahun

Asal: Kedah

→ Antara jawatan

pernah disandang:

→ **Timbalan** Naib Yang Dipertua Pembangunan Insaniah MPP UPM 2016/2017

→ **Timbalan** Presiden Kelab Nasyyid Nahwan Nur 2016/2017

→ **Residen** Artis UPM

→ **Bendahari** Kelab Media dan Pengucapan Kreatif

→ **Ahli** Jawatankuasa Sekretariat Mahasiswa Satu Malaysia

**Antara pencapaian:**

→ **Pengarah** Peace Loving Youth Assembly 2 WFWP dan WCARP 2017

→ **Tempat** ketiga Pertandingan Karaoke Super Seven Idol

→ **Tempat** ketiga Festival Nasyyid Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) 2017

→ **Johan** pertandingan nasyid Ihtifal IPT ASEAN 2017

→ **Naib** johan Festival Nasyyid Peringkat Selangor 2017

→ **Tempat** ketiga pertandingan nasyid Ihtifal IPT ASEAN 2016

**Moto:** Every big success starts with a small step



**Mohd Noraiman (kanan)** bersama kumpulannya muncul naib johan Festival Nasyyid Peringkat Selangor 2017.

# Kuasai kemahiran insaniah suntik nilai tambah

**Oleh Shatesh Kumar Sangar**  
bhvarsiti@bh.com.my

► **Serdang**

**K**esedaran mengenai pentingnya menguasai kemahiran insaniah, terutama keupayaan kerja berpasukan dan berkomunikasi, mendorong Mohd Noraiman Mohd Fadzil bergiat dalam bidang kepemimpinan serta kesenian.

Bertunjangkan matlamat berkenaan, mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains (Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan), Universiti Putra Malaysia (UPM) itu meneruskan pembabitan aktif dalam pelbagai kelab dan persatuan dari bangku sekolah.

“Keinginan menimba ilmu dalam pelbagai aspek

membantu saya untuk membina personaliti sebagai seorang pemimpin muda di universiti.

“Pelbagai cabaran dihadapi dengan tabah dan bersemangat, termasuk apabila memikul tugas sebagai Timbalan Naib Yang Dipertua Pembangunan Insaniah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM pada sesi lalu.

**Graduan holistik**

“Saya merupakan antara yang termuda memegang jawatan itu. Bersama semangat ingin belajar dan bantuan mentor, saya dapat melaksanakan tugas yang diberi dengan baik,” katanya.

Mohd Noraiman berkata, penguasaan kemahiran insaniah dapat menyuntik nilai tambah pada seseorang mahasiswa untuk menjadi graduan holistik dan seimbang seperti yang disasarkan Kementerian

Pendidikan Tinggi.

Sehubungan itu, beliau antara lain aktif di atas pentas nyanyian dan nasyid, termasuk menyertai pelbagai pertandingan pada peringkat institusi pengajian tinggi (IPT), negeri serta kebangsaan.

“Cabaran paling utama dihadapi ialah pengurusan masa kerana saya perlu mengikuti latihan vokal dan nasyid, di samping melaksanakan tugas sebagai pemimpin mahasiswa.

“Namun dengan adanya kemahiran insaniah yang baik, saya dapat mengatasi cabaran ini dengan baik. Bagi saya, semua pelajar perlu bergiat aktif dalam kokurikulum dari bangku sekolah hingga universiti untuk menguasai kemahiran insaniah agar dapat menyumbang bakti kepada agama, negara dan bangsa,” katanya.

